

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2007
DI PADANG MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN 2 (MPK2), KUANTAN, PAHANG
29 APRIL 2007

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

YAB DATO' SRI ADNAN YAAKOB
MENTERI BESAR PAHANG

Y.BHG TAN SRI AHMAD SARJI ABDUL HAMID
PENGERUSI, PERMODALAN NASIONAL BERHAD (P.N.B.)

Y.BHG TAN SRI HAMAD KAMA PIAH CHE OTHMAN
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN P.N.B.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

DIF-DIF JEMPUTAN

SAUDARA SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN BERKAT LIMPAN DAN KURNIANYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA HARI INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PERMODALAN NASIONAL BERHAD (P.N.B.) KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP ACARA PENDIDIKAN PELABURAN PERINGKAT NASIONAL, IAITU MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA (M.S.A.M.).

2. SAYA BERBESAR HATI KERANA SEKALI LAGI DAPAT MENGHADIRI SATU ACARA YANG KIAN MENDAPAT PERHATIAN MASYARAKAT. PENGHARGAAN SEWAJARNYA DIBERIKAN KEPADA PIHAK P.N.B. KERANA TERUS MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TINGGI DALAM MELAKSANAKAN ACARA TAHUNAN INI; YANG MANA TELAH PUN MASUK TAHUN KELAPAN PELAKSANAANNYA. TERIMA KASIH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA SELURUH JENTERA TENAGA PENGANJUR YANG TURUT BEKERJASAMA DALAM MENGANJURKAN M.S.A.M. TAHUN INI. SAYA BERHARAP SOKONGAN INI DAPAT DITERUSKAN PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG DEMI MANFAAT KITA BERSAMA.

3. PADA TAHUN INI, RAKYAT NEGERI PAHANG BERTUAH KERANA KUANTAN TERPILIH SEBAGAI LOKASI BAGI SATU PROGRAM PENDIDIKAN KEWANGAN DAN PELABURAN YANG SUDAH TERBUKTI BERKESAN. PADA HEMAT SAYA, SETIAP RAKYAT HARUS MEREKUT PELUANG INI UNTUK MENIMBA SEBANYAK MUNGKIN ILMU MENGENAI DUNIA KEWANGAN DAN PELABURAN DENGAN MENGUNJUNGI PAMERAN DAN MENYERTAI PELBAGAI AKTIVITI PENDIDIKAN BERSEPADU YANG DIANJURKAN BERSEMPENA DENGAN PROGRAM M.S.A.M. INI. SAYA DIFAHAMKAN, SEJAK BERMULANYA PENGANJURAN M.S.A.M., LEBIH SATU JUTA RAKYAT TELAH MENDAPAT MANFAAT MENERUSI PENYERTAAN MEREKA DALAM PELBAGAI PROGRAM DAN AKTIVITI YANG TELAH DIANJURKAN. NAMUN, SAYA PASTI SELEPAS TAMATNYA ACARA PADA TAHUN INI, ANGKA TERSEBUT AKAN TERUS MENUNJUKKAN

PENINGKATAN YANG KETARA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

4. PELANCARAN UNIT AMANAH PERTAMA P.N.B., IAITU SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL (A.S.N.), 26 TAHUN YANG LALU TELAH MEMBUKA MATA DAN MEMBERI RUANG KEPADA MASYARAKAT BUMIPUTERA UNTUK BERJINAK-JINAK DALAM BIDANG PELABURAN. INI ADALAH KERANA MENERUSI UNIT AMANAH TERSEBUT, MASYARAKAT BUMIPUTERA DIBERI PELUANG UNTUK MELABUR DENGAN WANG BERJUMLAH HANYA SEPULUH RINGGIT SAHAJA. KINI, SETELAH 26 TAHUN BERLALU, JUMLAH PEMEGANG AKAUN P.N.B. TELAH MENINGKAT KEPADA 8.6 JUTA SEMENTARA JUMLAH DANA UNIT AMANAH YANG DIKUMPULKAN P.N.B. TELAH MENCECAH 66 BILION UNIT.

5. SEJAK LEBIH SEPULUH TAHUN YANG LALU, P.N.B. TELAH MEMBUKA DANA-DANA UNIT AMANAHNYA JUGA KEPADA KAUM BUKAN BUMIPUTERA. PADA PANDANGAN SAYA, PENAWARAN DANA-DANA INI KEPADA KAUM BUKAN BUMIPUTERA MERUPAKAN SATU BUKTI KUKUH ASPIRASI KERAJAAN YANG MENINGKINKAN PEMBAHAGIAN KEKAYAAN SECARA SAKSAMA UNTUK SEMUA RAKYAT, TANPA MENGIRA KAUM DAN AGAMA.

6. PADA HAKIKATNYA, KERAJAAN SENTIASA MENYERU PARA PELABUR, TANPA MENGIRA KAUM DAN AGAMA, UNTUK MELABUR DEMI KESEJAHTERAAN JANGKA PANJANG. INI ADALAH KERANA HANYA DALAM JANGKA MASA PANJANGLAH INSTRUMEN PELABURAN SEPERTI AMANAH SAHAM BERUPAYA MENJANA KEUNTUNGAN DAN SEKALIGUS MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN EKONOMI PARA PELABURNYA. INILAH YANG DIMAKSUDKAN SEBAGAI STRATEGI PELABURAN UNIT AMANAH, SEBAGAIMANA YANG DIPRAKTIKKAN OLEH P.N.B. DAN INSTITUSI-INSTITUSI PELABURAN BERWIBAWA YANG LAIN.

7. SAYA PERCAYA BAHAWA STRATEGI INI TELAH BANYAK MEMBERI IMBUHAN SERTA MANFAAT KEPADA RAKYAT SEKALIAN. MAKA DENGAN ITU, ADALAH TIDAK KETERLALUAN JIKA SAYA PERKATAKAN BAHAWA USAHA-USAHA PENDIDIKAN BERSEPADU YANG DIJALANKAN OLEH P.N.B. SECARA BERTERUSAN TURUT MERANGSANG PENYERTAAN MASYARAKAT DALAM INDUSTRI UNIT AMANAH. INI ADALAH KERANA M.S.A.M. YANG DIANJURKAN SETIAP TAHUN MERUPAKAN SATU PLATFORM YANG MEMAINKAN PERANAN MENDIDIK, SERTA MENINGKATKAN PENGETAHUAN MASYARAKAT TENTANG ILMU PELABURAN DAN UNIT AMANAH, KHUSUSNYA.

8. SUNGGUHPUN INISIATIF SEUMPAMA INI TELAH BERJAYA MERUBAH PEMIKIRAN MASYARAKAT UMUMNYA, NAMUN SAYA KESAL DAN TERKILAN KERANA KITA KADANG-KADANG MASIH BOLEH TERPEDAYA DENGAN PELBAGAI BENTUK INSTRUMEN YANG KONONNYA BERUPAYA MENJANA PULANGAN BESAR DALAM MASA YANG SINGKAT SEPERTI YANG HANGAT DIPERKATAKAN SEKARANG INI, IAITU SKIM PELABURAN MELALUI INTERNET. BAGI MEREKA YANG BERNIAT UNTUK MELABUR MELALUI KAEDAH INI, TIDAK DINAFIKAN BAHAWA ANDA MASIH TIDAK SEDAR DENGAN RISIKO BESAR YANG HARUS DITANGGUNG ASALKAN MENDAPAT PULANGAN YANG BESAR DALAM MASA YANG SANGAT PANTAS. SEPERTIMANA YANG TELAH SAYA SEBUTKAN SEBENTAR TADI, PELABURAN MEMERLUKAN JANGKA MASA PANJANG UNTUK MEMBUAHKAN HASIL YANG LUMAYAN. OLEH YANG DEMIKIAN, PELABUR PERLU MEMPUNYAI KESABARAN, DAN JANGAN DIPERDAYAKAN OLEH SKIM PELABURAN JANGKA PENDEK YANG TIDAK DIKETAHUI ASAL-USULNYA.

9. DENGAN ITU, SAYA BERHARAP SAUDARA SAUDARI TIDAK LANGSUNG MEMBERI SOKONGAN KEPADA BENTUK PELABURAN YANG TIDAK DIIKTIRAF SEPERTI YANG DIMAKSUDKAN TADI, AGAR IANYA TIDAK TERUS BERLELUASA DAN MERUGIKAN RAKYAT. JIKA DIKAJI DENGAN TELITI, KINI TERDAPAT PELBAGAI PRODUK UNIT AMANAH DAN PRODUK AMANAH HARTANAH YANG DIURUSKAN OLEH INSTITUSI-INSTITUSI PELABURAN, TERMASUK P.N.B. SENDIRI, YANG MAMPU MEMBERI PULANGAN YANG KOMPETITIF SETIAP TAHUN. MAKA ITU, PILIHLAH SATU ATAU PUN DUA DANA AMANAH YANG SESUAI DENGAN PROFIL RISIKO MASING-MASING. WALAUPUN KERAJAAN AKAN TETAP MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP MEREKA YANG MENGELOLAKAN SKIM CEPAT KAYA, KITA TETAP MENGHARAPKAN SOKONGAN SERTA MAKLUM BALAS RAKYAT UNTUK MEMASTIKAN GEJALA SEPERTI INI BERJAYA DIBANTERAS SEPENUHNYA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

10. SOKONGAN RAKYAT DARI PELBAGAI LATARBELAKANG TELAH BERJAYA MELETAKKAN P.N.B. SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PELABURAN YANG ULUNG DI RANTAU INI. NAMUN, KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH P.N.B. TIDAK HANYA BERSANDARKAN KEPADA SOKONGAN ORANG RAMAI, TETAPI YANG SAMA PENTING ADALAH KESUNGGUHAN PENGURUSAN DAN KAKITANGAN P.N.B. SERTA ANAK-ANAK SYARIKATNYA YANG TELAH MENERAJUI INSTITUSI INI DENGAN AMANAH, TELUS DAN JUJUR SELAMA INI. KESEMUA FAKTOR-FAKTOR INI, DITAMBAH DENGAN DASAR KERAJAAN YANG INGINKAN PENGAGIHAN KEKAYAAN SECARA SAKSAMA, TELAH MENJADIKAN P.N.B. SATU NAMA YANG TERKENAL DI KALANGAN PARA PELABUR. MALAH, P.N.B. JUGA MENERIMA BANYAK KUNJUNGAN DARI NEGARA-NEGARA LUAR YANG INGIN MENCONTOHI MODEL YANG DILAKSANAKAN P.N.B..

11. SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PELABURAN YANG BAKAL DICONTOHI, P.N.B. KINI TELAH MELANGKAH KE PASARAN KEWANGAN ANTARABANGSA, SEPERTIMANA YANG DILAKUKAN OLEH KEBANYAKAN INSTITUSI PELABURAN ULUNG DI DUNIA. SEBENARNYA, PENCEBURAN P.N.B. DI PERINGKAT GLOBAL TELAH BERMULA SEAWAL TAHUN 1988 APABILA JABATAN PENGURUSAN DANA ANTARABANGSA P.N.B. DITUBUHKAN. JUSTERU, PADA BULAN JUN TAHUN LALU, PEJABAT P.N.B. DI LONDON TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENINGKATKAN FOKUS SERTA MEMPERKUKUHKAN KEHADIRANNYA DI PERSADA ANTARABANGSA.

12. SAYA MELIHAT INISIATIF MEMPERKEMBANGKAN KEWUJUDANNYA DI PASARAN KEWANGAN ANTARABANGSA INI SEBAGAI PELUANG KEEMASAN BAGI P.N.B.. DENGAN MEMASUKI PASARAN KEWANGAN ANTARABANGSA, P.N.B. KINI BERUPAYA UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN PELABURAN DI PASARAN-PASARAN SELAIN PASARAN KEWANGAN DOMESTIK. SELAIN ITU, IA MEMBUKA PELUANG KEPADA PROFESIONAL BUMIPUTERA UNTUK MELIBATKAN DIRI SECARA LANGSUNG DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN TINJAUAN PASARAN PELABURAN ANTARABANGSA. PADA PANDANGAN SAYA, USAHA INI SANGAT DIALU-ALUKAN, DAN DIHARAP DAPAT MENJADI PLATFORM UNTUK P.N.B. MENEROKA PASARAN KEWANGAN GLOBAL YANG LEBIH LUAS.

13. DENGAN ARUS GLOBALISASI DAN LIBERALISASI YANG SEMAKIN DIRASAI, PENGLIBATAN LEBIH BANYAK INSTITUSI PELABURAN DOMESTIK DI PASARAN ANTARABANGSA MERUPAKAN TINDAKAN YANG WAJAR. DALAM KONTEKS INI, JIKA KITA TELAH BERJAYA MENEMPA NAMA DAN MEMBINA JENAMA DI NEGARA SENDIRI, SAYA BERPENDAPAT PENJENAMAAN DI PERINGKAT GLOBAL BUKANLAH SATU CABARAN DI LUAR KEMAMPUAN SYARIKAT-SYARIKAT KITA. SAYA YAKIN, ASPIRASI INI BUKAN SEKADAR IMPIAN MALAH MAMPU DICAPAI KERANA MALAYSIA

MEMPUNYAI SUMBER MODAL INSAN YANG BERKEBOLEHAN DAN BERKEUPAYAAN SERTA MAMPU BERSAING DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

14. SAYA TELAH DIMAKLUMKAN BAHAWA P.N.B. KINI MEMPUNYAI SERAMAI 70 ORANG PENGURUS DANA YANG BERLESEN DI DALAM MENGURUSKAN DANA-DANA PELABURANNYA YANG BERNILAI LEBIH 100 BILION RINGGIT. INI MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN YANG BOLEH DIBANGGAKAN KERANA MEREKA MERUPAKAN PENGURUS DANA DARI KALANGAN BUMIPUTERA. DI DALAM HAL INI, P.N.B. BUKAN HANYA MENCIPTA PELUANG DALAM PENINGKATAN PELABURAN RAKYAT, MALAH TURUT BERSAMA MENJAYAKAN MATLAMAT MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BUMIPUTERA DALAM PELBAGAI SEKTOR DAN BIDANG. SEBAGAI SALAH SATU ASET TERPENTING YANG BERPERANAN SEBAGAI PEMACU DAN PENGGERAK EKONOMI, PENGLIBATAN MODAL INSAN BUMIPUTERA DALAM SKALA YANG BESAR BERUPAYA MEREALISASIKAN HASRAT MENGUKUHKAN EKONOMI BUMIPUTERA SECARA BERTERUSAN PADA JANGKA MASA PANJANG.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

15. DALAM MASA 29 TAHUN SEJAK IA DITUBUHKAN, P.N.B. TELAH MENGHARUNGI PELBAGAI CABARAN, DAN SETIAP KALI DITEMPUHI, CABARAN-CABARAN INI MENJADIKANNYA SEMAKIN MATANG DALAM MENANGANI SEBARANG KEMUNGKINAN YANG BERLAKU. JIKA KITA MENYOROT KEMBALI KEADAAN EKONOMI YANG GETIR PADA TAHUN-TAHUN 1997 DAN 1998, SAYA PERCAYA KEGAWATAN TERSEBUT TELAH DIHARUNGI OLEH P.N.B. DENGAN TABAHNYA TANPA MENJUAL SATUPUN ANAK-ANAK SYARIKAT MILIKNYA. DALAM KEADAAN ITU, ALANGKAH MALANGNYA BAGI KITA SEMUA SEKIRANYA SYARIKAT-SYARIKAT BESAR MILIK P.N.B. SEPERTI GUTHRIE, GOLDEN HOPE DAN SIME DARBY YANG TELAH DIMILIKI SEJAK DARI AWAL PENUBUHANNYA JATUH SEMULA KE DALAM GENGGMAN PEMILIK ASING. SYUKUR, KEJADIAN SEPERTI ITU TIDAK BERLAKU.

16. UNTUK MASA AKAN DATANG, CABARAN YANG SAYA INGIN TUJUKAN KEPADA SEMUA WARGA P.N.B. ADALAH UNTUK MENYAINGI PRESTASI YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PENGURUSAN PELABURAN ANTARABANGSA SEPERTI CAPITAL, FIDELITY, VANGUARD DAN SEBAGAINYA YANG TELAH MAMPU MEMBERI PULANGAN BERPULUH-PULUH KALI GANDA KEPADA PARA PELABUR MEREKA. DALAM KONTEKS INI, P.N.B. BUKAN SAHAJA PERLU MEMASTIKAN PULANGAN PELABURAN YANG KOMPETITIF KEPADA PARA PELABURNYA, TETAPI JUGA PERLU BERUSAHA UNTUK MENJADI SEBUAH INSTITUSI PELABURAN YANG MEMPUNYAI TAHAP KECEKAPAN DAN KEWIBAWAAN DARI SEGI PENGURUSAN DAN KAKITANGANNYA SETANDING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT PENGURUSAN PELABURAN ANTARABANGSA.

17. DENGAN DEMIKIAN, SAYA AMAT BERHARAP SAUDARA SAUDARI TELAH DAPAT MENGAMBIL IKTIBAR DAN PENGAJARAN DARIPADA PELBAGAI AKTIVITI YANG DIANJURKAN SEMPENA MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2007 INI UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN BERKAITAN PELABURAN DAN PERANCANGAN KEWANGAN. SAYA BERDOA AGAR SETIAP APA YANG DIUSAHAKAN INI AKAN MENDAPAT KEBERKATAN DAN BEROLEH KEJAYAAN SERTA MENCAPAI MATLAMATNYA, INSYAALLAH.

18. MAKA DENGAN INI, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN RASMINYA MENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2007.

SEKIAN, TERIMA KASIH.